

30 OCT 2003

KAJIAN-REAKSI

KERAJAAN TERUS KOMITED BANGUN EKONOMI BUMIPUTERA, KATA JAMALUDDIN JARJIS

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kerajaan terus komited untuk membangunkan ekonomi golongan Bumiputera apabila ia bercadang untuk menubuhkan satu institusi pelaburan yang baru iaitu Dana Harapan, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis hari ini.

Katanya, dengan penubuhan dana itu, ia akan menggembeling dana Bumiputera agar mencapai tahap 30 peratus seperti yang dirancangkan sejak sekian lama.

"Kita tidak berjaya mencapai sasaran 30 peratus itu sebelum ini ekoran beberapa krisis ekonomi termasuk krisis kewangan 1997 dan 1998.

"Namun dengan adanya dana ini yang bertujuan menarik dan menggerak sumber kewangan Bumiputera, sasaran 30 peratus boleh dicapai," katanya semasa memberikan reaksi terhadap pembentangan usul kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat di sini.

Jamaluddin berkata, kerajaan juga dilihat terus komited untuk mengukuhkan sistem kewangan negara apabila berusaha untuk mencapai bajet berimbang pada tahun 2006.

"Usaha untuk mencapai bajet berimbang merupakan satu pengumuman penting Dr Mahathir sebagai Menteri Kewangan," katanya.

Mengenai pencapaian negara sejak Dr Mahathir menerajui pemerintahan sejak 22 tahun lepas, beliau berkata, negara bertukar menjadi sebuah negara industri yang moden daripada semata-mata berasaskan industri kelapa sawit sementara pembasmian kemiskinan pesat dilaksanakan sehingga kadarnya kini adalah kecil.

Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy berkata, lebih banyak projek prasarana pengangkutan dapat dilaksanakan setelah siling peruntukan kepada kementerian itu ditingkatkan dengan jumlah yang agak besar.

"Dengan peningkatan jumlah itu, saya yakin apa sahaja projek prasarana yang ada kaitan dengan pengangkutan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan dan lebih banyak lagi dapat dilaksanakan dalam tempoh dua tahun akan datang."

Chan berkata, pengumuman penyusunan semula sistem pengangkutan di Lembah Klang akan dapat menyediakan satu sistem pengangkutan yang lebih sempurna kepada penduduk sekitarnya.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein pula berkata pembentangan laporan itu mencatatkan satu sejarah tersendiri memandangkan kebanyakan isi kandungan pembentangan itu menggambarkan harapan Dr Mahathir selama ini.

"Pembentangan hari ini menunjukkan wawasan, harapan dan yang paling mengharukan ialah bagaimana beliau (Dr Mahathir) telah meletakkan perpaduan di kalangan rakyat sebagai perkara yang paling penting.

Sebagai mewakili generasi muda yang kebanyakannya hanya lebih mengenali Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri negara ini, Hishamuddin turut berharap agar pengalaman, kemahiran dan semangat Dr Mahathir akan dikekalkan sebagai semangat, panduan dan rujukan kepada generasi muda dalam menghadapi cabaran masa depan.

"Usaha untuk mencapai bajet berimbang merupakan satu pengumuman penting Dr Mahathir sebagai Menteri Kewangan," katanya.

Mengenai pencapaian negara sejak Dr Mahathir menerajui pemerintahan sejak 22 tahun lepas, beliau berkata negara bertukar menjadi sebuah negara industri yang moden daripada semata-mata berasaskan industri kelapa sawit

sementara pembasmian kemiskinan pesat dilaksanakan sehingga kadarnya kini  
adalah kecil. -- BERNAMA  
SNS SNS AHM